



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
CALVIN THOO
PEREKA FESYEN TERKENAL**

OLEH:

**MUHAMMAD AKMAL BIN AZHAR (2011757029)
SITI SARAH ADIRA BINTI ABDUL MUHAIMI (2011932555)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN (IMR 604)
SEMESTER 05 (MAC-JUN 2014)**

OLEH:

**MUHAMMAD AKMAL BIN AZHAR (2011757029)
SITI SARAH ADIRA BINTI ABDUL MUHAIMI (2011932555)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN (IMR 604)
SEMESTER 05 (MAC-JUN 2014)**

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Kaedah Wawancara.....	viii
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian B: Kerjaya.....	18
Bahagian C: Pencapaian dan Pandangan.....	32
Senarai Soalan Wawancara.....	40
Log Wawancara.....	46
Indeks.....	49
Rujukan.....	52
Lampiran	
Surat Kajian	
Surat Perjanjian	
Gambar	

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpahnya dapat kami menyempurnakan tugas yang telah diberikan dengan jayanya setelah pelbagai halangan dan cabaran bagi menyiapkan tugas ini . Hal ini untuk memenuhi kehendak subjek dan seterusnya menyempurnakan tugas bagi subjek pendokumentasian sejarah lisan (IMR 604).

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Calvin Thoo iaitu pereka fesyen terkenal kerana beliau sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama sepanjang temuramah ini berlangsung di butik beliau di Jalan Imbi, Kuala Lumpur.

Tidak lupa juga, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah Binti Chik kerana memberi tunjuk ajar dan panduan yang berguna kepada kami dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Disamping itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga dan kawan-kawan yang tidak jemu memberikan sokongan dan dorongan dalam menyempurnakan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai dan sesungguhnya hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasanya.

Sekain, terima kasih.

Muhammad Akmal Bin Azhar (2011757029)

Siti Sarah Adira Binti Abdul Muhaimi (2011932555)

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak : Temubual ini adalah di antara kami dengan Calvin Thoo iaitu pereka fesyen yang terkenal di Malaysia. Wawancara ini dijalankan di butik beliau yang beralamat di jalan Imbi, Kuala Lumpur. Sesi wawancara bersama Calvin Thoo ini telah dijalankan pada hari isnin bersamaan 14 April 2014 pada pukul 3.10 petang. Temubual ini berkisar tentang tentang latar belakang Calvin Thoo dan pengalaman beliau dalam bidang fesyen yang sudah menjangkau 16 tahun. Selain itu, beberapa kejayaan beliau sebagai pereka fesyen dari segi pertandingan dan pameran fesyen diluar Negara mahupun dalam Negara. Ketika temuramah ini dijalankan, kami dapat mengetahui perjalanan sebagai seorang pereka fesyen dari permulaan hingga ke hari ini. Di samping itu, temuramah ini dapat memberi gambaran bahawa pekerjaan sebagai pereka fesyen perlu mempunyai komited dan daya saing yang tinggi dalam menempuh dunia fesyen yang semakin berkembang serta menghasilkan karya yang bermutu.

Kata kunci: Calvin Thoo, bidang fesyen, pereka fesyen terkenal, karya yang bermutu.

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



- Nama : Calvin Thoo
- Umur : 43 tahun
- Tarikh lahir : 6 Disember 1971
- Asal : Bukit Bintang, Kuala Lumpur
- Agama : Islam
- Status : Bujang
- Kerjaya : Pereka Fesyen
- Alamat (butik) : 80, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur
- Pendidikan : St. John's Institution, Kuala Lumpur
Monash University Melbourne, Australia (Ijazah Sarjana Muda Psikologi)
Royal Melbourne Institute of Technology, Australia (RMIT) (Ijazah Sarjana Muda Fesyen)
- Kejayaan : Finalis Piala Seri Indon (2004)
Menjadi pereka fesyen untuk VVIP/artis dalam program-program besar seperti ABPBH, Minggu Fesyen Kuala Lumpur, Anugerah Fesyen Antarabangsa Malaysia, Festival Fesyen Islam KL dan sebagainya.

PENGENALAN

PENGENALAN

Temubual ini adalah antara penulis dengan Calvin Thoo iaitu pereka fesyen terkenal. Wawancara ini dijalankan di butik beliau terletak di jalan Imbi, Kuala Lumpur. Sesi wawancara bersama Calvin Thoo telah dijalankan pada hari isnin bersamaan 14 April 2014 pada pukul 3.10 petang. Temubual ini berkisar tentang latar belakang, kerjaya dan kejayaan beliau dalam menjadi seorang pereka fesyen yang dikenali ramai.

Beliau dilahirkan pada 6 Disember 1971 di Kuala Lumpur. Beliau memulakan pendidikan di St. John's Institution, Kuala Lumpur semasa di peringkat menengah. Selepas itu, beliau menyambung pelajaran dalam bidang psikologi di Monash University Melbourne, Australia. Dari bidang psikologi, beliau telah menyambung pelajaran dalam bidang fesyen di Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT), Australia. Hasil galakan daripada ibu bapa, beliau berjaya memperoleh dua ijazah yang berlainan dan terus menjadikan bidang fesyen sebagai kerjaya beliau sehingga sekarang.

Temubual yang dijalankan selama satu jam lebih ini, telah memberi fokus kepada kerjaya dan pencapaian dalam bidang fesyen. Beliau bermula dari bawah dalam membina empayar dan nama yang hari ini menjadi buah mulut orang ramai tentang rekaan fesyen beliau. Semasa permulaan berjinak-jinak dalam bidang fesyen, beliau bekerja di Metrojaya dan selepas itu membuka perniagaan sendiri serta pakar dari segi baju pengantin. Selepas pertandingan Piala Seri Indon(2004) dimana beliau adalah salah satu finalis, beberapa pelanggan tetap beliau mencadangkan agar saya memulakan jenamanya sendiri. Sebelum ini, beliau bekerja di rumah sahaja dan menemui pelanggan beliau melalui temujanji. Butik pertama beliau adalah di Galeri Piccolo, Jalan Bukit Bintang sebelum berpindah ke Lot 10. Hari ini butik beliau terletak di jalan Imbi, Kuala Lumpur. Beliau mempunyai label tersendiri dan juga mempunyai pelbagai koleksi seperti baju kurung moden, kaftans, jubah dan lain-lain lagi.




Gambar 1: Butik Calvin Thoo di Jalan Imbi, Kuala Lumpur

Beliau begitu terkenal di kalangan artis, VVIP (orang berkepentingan) dan golongan diraja yang menjadikan pakaian beliau pilihan utama dalam sesuatu majlis. Antara artis golongan artis yang mendapat kepercayaan beliau adalah Anita Sarawak, Erra Fazira, Sheila Majid, Fasha Sanda, Nurul (ajai), Adibah Noor, Lisdawati, Nita dan Siti Nurhaliza. Antara golongan diraja yang menjadi pelanggan beliau adalah kerabat Pahang, Perlis, Terengganu dan Johor.



Gambar 2: Antara artis yang menjadikan Calvin Thoo sebagai pilihan utama

Di samping itu, beliau juga terlibat dalam pelbagai pertunjukan fesyen di dalam negara mahupun di luar negara. Antara jemputan dari luar negara termasuk dari China, Thailand, Indonesia, Australia dan Perancis. Beliau menjadi pereka fesyen untuk VVIP (orang berkepentingan) dan artis dalam program-program besar seperti ABPBH, Minggu Fesyen Kuala Lumpur, Anugerah Fesyen Antarabangsa Malaysia, Festival Fesyen Islam KL dan lain-lain lagi.



Gambar 3: Festival Fesyen Islam 2013

Gambar 4: Koleksi raya 2014



Gambar 5: Festival Fesyen Islam 2012

KAEDAH KAJIAN

KAEDAH KAJIAN



Gambar 5: Menemubual tokoh

Kaedah digunakan adalah menemubual tokoh hasil daripada temujanji yang telah dilakukan sebelum ini. Melalui kaedah ini dapat mencari maklumat yang diperlukan dan bertanya soalan yang telah disediakan sebelum melakukan temubual. Penulis sedaya upaya mengumpulkan data sebanyak mungkin yang berkaitan dengan kajian ini.

Peralatan Wawancara



Gambar 6: Perakam suara



Gambar 7: Perakam video

Penulis menggunakan perakam suara dan video untuk merakam temubual tersebut. Penulis menggunakan kedua alatan perakam ini supaya suara tokoh dapat didengari dengan jelas bagi melancarkan lagi proses kajian.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang pendahuluan dimana sebelum temu bual bersama tokoh di mulakan dan juga berkisah tentang latar belakang, pendidikan, kerjaya dan pencapaian tokoh. Rakaman ini telah dilakukan di butik beliau yang terletak di Jalan Imbi, Kuala Lumpur.

Petunjuk:

CT: Calvin Thoo

SA: Siti Sarah Adira

MA: Muhammad Akmal

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

SA : Sebelum itu, izinkan saya perkenalkan diri dulu. Nama saya Siti Sarah Adira Bt Abdul Muhaimi. Ini kawan saya, Muhammad Akmal Bin Azhar. En.Calvin, untuk permulaan saya nak [ingin] tanya, nama panggilan apa yang patut saya panggil atau gunakan?

CT : Calvin Thoo pun boleh.

SA : Boleh saya tahu nama penuh encik?

CT : Calvin Thoo. Itu nama saya.

SA : Jika encik tidak keberatan, bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang diri encik? Sebagai contoh hobi encik atau pun cita-cita encik?

CT : Kalau cita-cita saya rasa semua orang sudah tahu inilah cita-cita dan impian yang saya nak buat sejak *I* [saya] dari kecil. Kalau nak cakap tentang hobi, satu dunia sudah tahu dimana *I* [saya] memang gila kucing. *So* [jadi], *I* [saya] memang pelihara banyak binatang dekat rumah terutamanya kucing. Buat masa sekarang kita ada dua puluh lima [25] ekor kucing. Kalau nak tahu bagaimana saya *start* [mula] sukakan kucing adalah untuk *rescue work* [kerja menyelamatkan]. *I* [saya] selamatkan kucing jalanan dimana ia dipukul, sakit, duduk ditepi jalan dan saya kutip. Saya jaga dan kemudian saya hantar *wax* [pemulihan] semua dan saya bela. Kalau ada orang yang mahu, saya akan bagi kepada mereka. Jadi kucing itu akan ada satu rumahlah, *a good home* [tempat berlindung]. Itulah *start* [bermulanya] hobi kucing saya dan dari sejak kecil *I* [saya] memang nak buat fesyen sejak umur lapan [8] tahun.

SA : Bilakah encik dilahirkan?

CT : *I* [saya] memang sudah berusia (bunyi telefon bergetar). Tahun ini *I* dah [sudah] empat puluh tiga tahun [43] tahun.

SA : Bilakah tarikh lahir encik?

CT : Sembilan belas tujuh puluh satu [1971].

SA : **Dimanakah encik dilahirkan?**

CT : *I* [saya] orang Kuala Lumpur.

SA : **Encik memang menetap di Kuala Lumpur?**

CT : Ya, betul.

SA : **Memang sejak dari kecil?**

CT : Ya. Lahir sini, kerja sini. Bukit bintang juga.

SA : **Maaf saya bertanya. Adakah ibu dan ayah encik masih hidup?**

CT : Ya. Masih hidup.

SA : **Bolehkah saya tahu nama ibu dan ayah encik?**

CT : Tidak mengapalah. Itu tak perlu.

SA : **Berapakah usia mereka sekarang?**

CT : Ayah saya- berapa ye? Ayah saya dekat tujuh puluh tahun [70] tahun *dah* [sudah].

Mak saya- enam puluh-an [60]an *dah* [sudah].

SA : **Jika encik tidak keberatan, bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang orang tua encik?**

CT : *Dia orang* [mereka]? Mak saya *tak* [tidak] kerja, (bunyi telefon bergetar) bapa saya pun *dah* [sudah] bersara. Pada masa dahulu kita (bunyi suara orang bercakap) bapa saya ada *supply* [membekalkan] sayur.

SA : **Memang ibu dan ayah encik berasal dari Kuala Lumpur juga?**

CT : : Ya. Asal dari Bukit Bintang juga.

SA : **Encik mempunyai orang adik beradik?**

CT : Seorang *je* [sahaja]. Seorang adik perempuan. Sudah berkahwin dan ada dua [2] orang anak lelaki.

SA : **Kiranya encik hanya mempunyai dua adik beradik, iaitu encik dan adik encik.**

CT : Ya, betul.

SA : **Adakah encik tinggal bersama adik ataupun tinggal bersendirian?**

CT : Saya tinggal seorang dekat Bukit Bintang, adik *I* [saya] dengan keluarga dia tinggal dekat Cheras. Ibu bapa pun tinggal dekat Cheras.

SA : **Boleh saya tahu status encik sekarang?**

CT : Bujang dan *available* [belum mempunyai].

SA : **Apakah impian encik dalam bidang fesyen?**

CT : Impiannya- rasanya impian *I* [saya] sekarang *dah* [sudah] tercapai. Dimana impian saya adalah untuk mendirikan nama dan label dalam bidang fesyen dalam Malaysia. Tapi kalau boleh mungkin InsyaAllah, *one day* [satu hari nanti] saya akan dapat pergi ke *international* [peringkat antarabangsa]. Tetapi itu ialah impian semua pereka fesyen di Malaysia.

SA : **Bolehkah saya tahu perkara yang pernah berlaku dalam hidup encik yang tidak dapat encik lupakan. Sebagai contoh, pengalaman manis dan pengalaman pahit encik?**

CT : Kalau pahitnya adalah, saya ada *accident* [kemalangan] semasa kecil. Dimana saya tidak tahu bagaimana saya boleh berada dibawah kereta. Mungkin pada waktu itu, belum tiba masa lagi [belum tiba ajal] dimana saya masih hidup. Itulah yang membuatkan saya menjadi *fobia* [takut] untuk *drive* [memandu kereta]. Kalau nak buat *research* [kajian] tentang Calvin, tentang benda ini, dalam *YouTube* [enjin carian video atas talian] ke apa, mesti ada. *Dah* [sudah] di *interview* [temu bual] oleh Anita Sarawak tentang *topic* [tajuk] *ni*. Kalau yang manis itu adalah, apa yang dapat saya nyatakan sekarang adalah apabila saya mendapat peluang membuatkan dan merekakan baju untuk Tuanku Sultanah Terengganu.

SA : Siapakah pula idola encik didalam bidang yang diceburi mahupun diluar bidang yang diceburi?

CT : Dalam fesyen ini *I* [saya] memang meminati Valentino dan- -.

SA : Apakah sebab yang membuatkan encik meminati Valentino?

CT : Sebab dia punya- fesyen lain daripada yang lain. Dia klasik (bunyi ketsas diselak). Dia tidak merepek.

SA : Siapakah yang paling banyak memberi sokongan ataupun tulang belakang kepada encik?

CT : Ibu bapa saya.

SA : Apakah pendekatan yang encik lakukan untuk mengeratkan hubungan antara Encik degan ibu bapa encik dan juga kerjaya encik?

CT : Actually [sebenarnya], ini senang sahaja. Kerana *everyday* [setiap hari] saya jumpa mereka. Kalau tidak jumpa pun sekurang-kurangnya saya akan *on the phone* [menghubungi melalui telefon] dengan mereka. *So* [jadi], dengan *my family* [ahli keluarga] dan dengan semua orang. Dengan *my staff* [pekerja saya] kita dekat sini dengan berkonsepkan keluarga. *So* [jadi], kalau kita ada apa-apa masalah kita akan cuba menyelesaikan secara terus teranglah sebab dalam bidang apa pun *you* [awak] kerja, dekat mana-mana pun kita akan hadapi masalah dan akan ada drama sikit. Tapi kalau *you open concept* [awak megamalkan konsep] macam *ni next time* [lain kali] kalau *you* [awak] dalam *office* [pejabat] atau dimana-mana, *you*

[awak] akan hadapi sebab kita *deal* [berurusan] dengan manusiakan? *So* [jadi], kita kena tahu bila kita kena *more open* [bersikap lebih terbuka], kita akan terus terang, kita jangan tipu dan jangan simpan dalam hati. Itu memang boleh selesai [bunyi telefon bergegar] kita akan memperoleh solution [jalan penyelesaian].

SA : Saya ada terbaca dalam beberapa artikel ada mengatakan bahawa encik sudah memeluk agama islam. Jadi boleh encik beri komen?

CT : Itu memang betul. Tidak ada apa-apa komen. [bunyi telefon bergegar] sebab apa yang *you* [awak] baca dalam *internet* [enjin carian atas talian], dalam surat khabar itu semua betul. Sebab bila saya *officially* [secara rasmi] peluk agama islam, memang ramai kawan-kawan *reporter* [wartawan], media semua dapat tahu dan mereka semua tanya *I* [saya], *I* [saya] cakap semua betul. Tentang mimpi dan apa itu semua betul. Dan sebenarnya sebelum itu saya sudah *practice* [berlatih] tiga [3] tahun. Tunggu sekejap *ya*. [Temu bual terpaksa diberhentikan seketika kerana beliau mendapat panggilan daripada pelanggan beliau]

SA : Tadi Encik ada ceritakan tentang mimpi. Jadi boleh encik terangkan mengenai mimpi tersebut?

CT : Tentang saya mimpi dan saya peluk agama Islam itu ya? Apa yang kamu baca melalui *internet* [enjin carian atas talian] ke, dari media ke itu memang betul sebab itu semua sudah disahkan oleh kawan-kawan pihak media. Tentang mimpi itu saya mengalami mimpi bukan sekali, bukan dua kali tetapi sudah dah tiga kali. Saya bermimpi pergi Mekah dan ada soalan-soalan yang ditanya tentang hukum halal haram itu semua telah dijawab dan benda-benda yang berlaku dalam hidup saya yang saya rasa tidak payah diceritakan itu memang *you know* [awak tahu] buat *I* [saya] lebih dekat dengan agama islam. Sebenarnya Islam itu satu agama yang mudah. Mungkin *you all* [awak semua] memang sejak kecil dilahirkan

dalam agama Islam *so* [jadi] mungkin *you* [awak] tidak tahu. *So* [jadi], bagi kita orang luar yang nak masuk agama Islam tu kita akan tahu sebenarnya agama Islam itu *very beautiful* [sangat indah] dan dia memang *simple* [ringkas]. Tidak ada apa-apa nak *you don't have to go and* [awak tidak perlu pergi dan] buat sesuatu yang *special* [istimewa] untuk apa-apa. Semuanya dari hati sahaja.

SA : Adakah ahli keluarga encik tahu mengenai perkara ini?

CT : Memang tahu. Selepas *I officially* [secara rasminya saya] memeluk agama Islam *my father* [ayah saya] tidak cakap apa-apa dan *my mother* [emak saya] pun tidak cakap apa-apa dan semua memang bagi sokongan sebab saya memang consider [dianggap] bertuahlah sebab apa yang *I* [saya] buat tidak pernah ibu bapa saya halang. Sebab dia akan tahu *I* akan fikir panjang lebar sebelum buat sesuatu.

SA : Bagaimana pula dengan saudara mara encik?

CT : Mereka semua *okay* [dapat menerima].

SA : Boleh saya tahu nama Islam encik?

CT : Tidak ada nama Islam. Sebab bagi saya nama tidak melambangkan agama.

SA : Boleh encik kongsiikan perasaan encik apabila memeluk Islam?

CT : Kebiasaannya orang akan cakap apabila selepas kita melafazkan dua shahadah, kita akan rasa tenang. Tetapi saya pula merasakan sebaliknya. Ini memang betul. Saya rasa macam ada satu yang berat ada atas bahu saya. Sampaikan *I* [saya] nak *stop* [berhenti] tetapi tidak tahu mengapa *I* tidak boleh *stop* [berhenti]. Itu memang betul. Mungkin orang cakap itulah *your test* [ujian bagi awak], *your first*

test [ujian pertama awak] sebab sebagai *officially* [rasminya] sebagai orang Islam. Tapi sebelum itu sudah tiga [3] tahun saya *practice* [berlatih] berpuasa. Kalau tanya orang yang kenal saya *dia orang* [mereka] sudah tahu. *So* [jadi], bagi saya, bagi keluarga saya, bagi kawan saya yang mengenali saya memang tidak ada apa-apa yang lain. Bagi saya semua sama je [sahaja]. Benda yang dulu *I* [saya] buat, sekarang pun *I* [saya] buat. Sama sahaja. Tidak ada perubahan yang drastik [secara tiba-tiba] buat masa sekarang.

SA : Apakah cabaran yang encik hadapi semasa mula-mula ingin memeluk Islam?

CT : Itulah cabaran dia yang *I* [saya] cakapkan tadi. Perasaan itu sukar untuk saya terangkan kerana *you all* [awak semua] tidak akan faham. Dan *after that* [selepas itu] baru *you* [awak] rasa *thing has change it is your religion* [sesuatu sudah berubah iaitu agama awak]. Cabaran itu biasanya bila you mendengar orang kata selepas lafaz shahadah itu *you* akan merasa tenang tetapi *I* merasakan yang sebaliknya. Tapi yang peliknya *sometimes I* [kadang-kadang saya] berdoa Dia [Allah s.w.t] memakbulkan doa-doa kita. Dan saya adalah seorang yang tidak selalu *simply* [sewenang-wenangnya] tanya orang untuk *favor* [pertolongan] dengan kawan ke, manusia ke, Tuhan ke, Allah s.w.t atau sebagainya. Kerana *I* [saya] *tak* [tidak] suka. Kalau *I* [saya] boleh buat benda itu *I* [saya] akan buat (bunyi kertas diselak) *I* [saya] tidak suka minta tolong. Kalau boleh. *Tu* [itu] *je* [sahaja].

SA : Adakah encik memeluk agama Islam dari pengaruh seseorang?

CT : *Tak* [tidak] ada.

SA : Adakah melalui mimpi itu?

CT : Memang *naturally* [semulajadi].

SA : Adakah secara terbuka hati?

CT : Ya, secara terbuka hati. Macam baru je [sahaja] dua [2] hari lepas (Tokoh sedang bermanolog dengan diri beliau sendiri untuk memnngingati sesuatu peristiwa) Tiba-tiba *je* [sahaja] bangun dari tidur dan *I* [saya] cakap *I* nak memeluk agama Islam. Memang tidak ada orang paksa. Semua pun rasa. Bila *I* fikirkan balik pun, mengapa macam *tu* [itu]. Sebab benda-benda *ni* [ini] bagi saya semua *very natural* [sangat semulajadi]. *I* bukan seorang Islam yang baik sangat. Itu *I* [saya] tahu. Tapi [tetapi] sekurang-kurangnya *I* tahu apa yang *I* [saya] boleh buat dan apa yang *I* tidak boleh buat. Itu *je* [sahaja]. *My life is very simple* [hidup saya tersangatlah mudah] lepas itu, apa yang *you* baca or *maybe ninety percent* [atau mungkin 90%] yang *you* [awak] baca dalam media *tu* [itu] semua betul. Sebab *my life is open book* [kehidupan saya adalah terbuka], *I* [saya] *tak* [tidak] suka tipu, *I tak* suka ada banyak rahsia. Semua orang tahu.

SA : Kiranya, encik belajar agama Islam ini daripada orang, ataupun menghadiri ceramah ataupun melalui bacaan sahaja?

CT : Bacaan sahaja. Ceramah-ceramah itu *I* [saya] tidak suka. Memang bahan bacaan pun ditulis oleh manusia tetapi saya pernah dengar ceramah dan bagi saya ceramah *tu* [itu] terlalu *brainwash* [memaksa perubahan pendapat]. Itu yang *I* [saya] tidak suka. *So* [jadi], saya suka benda yang *natural* [semulajadi] berlaku *naturally* [semulajadi berlaku]. Sebab *from my experience* [daripada pengalaman saya] sekarang *I* [saya] rasa tenang tentang agama-agama itu tenang. Tidak ada apa-apa. *So* [jadi], *I* [saya] tidak mahu *complicate my life* [susahkan kehidupan saya]. Buat apa nak *complicate* [sukarkan], betul tak [tidak]?

- SA : **Encik, sekarang kita ingin bertanya latar belakang pelajaran encik pula.**
- CT : Boleh.
- SA : **Jadi boleh encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan encik?**
- CT : Biasalah mula-mula sekolah rendah, sekolah menengah *lepas tu* [selepas itu] saya pergi *oversea* [luar Negara]. Sebenarnya saya ada dua [2] *degree* [Ijazah Sarjana Muda]. Pertama, *Degree Psychology* [Ijazah Sarjana Muda Fiskologi] iaitu *Bachelor Arts in Psychology* [Ijazah Sarjana Muda Psikologi] dan *Bachelor Art in Fashion* [Ijazah Sarjana Muda Seni Fesyen]. Psikologi itu saya buat dekat *Monash, Monash University in Melbourne* dan fesyen pula *I* [saya] buat *degree* [Ijazah Sarjana Muda] dekat Australia dan sebelum itu memang saya ada *year eleven* dan *year twelve* maksudnya kalau dekat Malaysia ini *upper six and lower six* [tingkatan enam atas dan enam bawah], *Matriculation* [Matrikulasi] rasanya dekat Australia juga. Itu sahaja.
- SA : **Ini bermakna encik mempunyai dua *degree* [Ijazah Sarjana Muda] iaitu Fiskologi dengan Fesyen. Jadi, kenapa daripada Fiskologi encik tukar kepada fesyen pula?**
- CT : Cerita dia macam ini, sebab *first* [pertama] keluarga *I* [saya] tidak benarkan *I* buat fesyen. Sebab fesyen dilihatkan dari *tradition* [tradisi] adalah satu bidang yang khas untuk perempuan *je* [sahaja]. So [jadi], *I* tak [tidak] suka akaun, *I* tak [tidak] pandai Matematik. So [jadi], tidak mengapalah, saya cuba juga ambil Fiskologi sebab saya suka *to learn* [untuk belajar]. *I like to learn about humans, I like to learn about a lot of thing you know?* [Saya suka belajar tentang manusia, saya

suka belajar tentang banyak perkara]. Selepas itu, *I* [saya] memang seksa sebab bukan bidang yang memang *I* nak buat. *Lepas tu* [selepas itu], *I promise my parents* [saya berjanji dengan ibu bapa saya] dan *I* [saya] dapat buat ijazah dalam bidang fesyen. Bidang fesyen dekat *oversea* [luar Negara] sebelum nak masuk *that course* [bidang itu] kena di *interview* [temu bual]. *Thank God* [bersyukur kepada Allah s.w.t.] *I interviewed* [saya ditemu bual] dan *I* dapat ____. Contohlah *you* [awak] nak buat *design* [rekaan], boleh nak buat design tetapi jangan buat fesyen. *So* [jadi], *I* [saya] dah masuk dalam bidang grafik, grafik *I tak* [saya tidak] dapat sebab dia cakap *I* memang *tak* [tidak] cukup bagus dalam bidang grafik. *Interior design* [rekaan dalaman] dia mahu *English test* [ujian Bahasa Inggeris], *I* malas pergi *English test* [ujian Bahasa Inggeris]. *So* [jadi], *I* ambil fesyen *and* [dan] sebenarnya selepas *interview* [temuduga] dua (2) minggu mereka *dah* [sudah] bagi jawapan tetapi tiga (3) minggu kemudian *I* dapat jawapan yang *I* berjaya dan folio itu adalah folio yang *I* buat tiga- empat (4) tahun sebelum itu. Yang paling *I prepare* [saya bersedia] esoknya *interview* [temuduga], malamnya itu *I sketch book* [saya buat buku] *then I* [kemudian saya] hantar *my sketch* [lukisan saya]. Itu *je* [sahaja]. *So* [jadi], itulah satu cabaran juga sebab kalau *tak* [tidak] dapat masuk fesyen memang *today* [hari ini] tidak akan ada Calvin Thoo.

SA : Semasa encik belajar dahulu adakah encik seorang pelajar yang aktif dalam akademik atau pun kokurikulum?

CT : *Tak* [tidak]. Kerana jurusan fesyen dalam satu minggu *contact hour's* [jam kredit] kita *about fifty to sixty hour contact* [dalam lima belas (15) ke enam belas (16) jam kredit]. Maksudnya macam kita pergi kerja. *Half day* [separuh hari], *Friday je* [hari Jumaat sahaja] *start* [mula] pukul dua belas sampai pukul enam [12.00-6.00]. Tetapi *I not an active person* [saya bukan seorang yang aktif]. *I tak* [Saya tidak] aktif dalam *sport* [sukan], *I* memang *tak* [tidak] aktif dalam semua benda *tu* [itu]. *Sport is not of something* [sukan bukanlah sesuatu yang penting] sebab *tulah* [itulah] kalau *you* [awak] tengok *I* [saya] macam *ni*, kurus kering. *So* [jadi], *I* memang *tak* [tidak] aktif dalam *sports* [sukan]. Tapi kalau *you* cakap *show-show*

night mood [waktu lapang] memang ada. Macam sekarang pun, *I* balik kerja *I* layan kucing, layan Facebook [laman social atas talian]. Itu *jelah* [itu sahaja] hidup saya. Semua orang tahu.

SA : Apa itu fesyen dihati encik?

CT : Apa itu fesyen? It is a *good question* [itu adalah soalan yang bagus]. Fesyen itu adalah sesuatu imej yang melambangkan *personality* [keperibadian] seseorang. Itulah fesyen bagi saya.

SA : Sejak bila encik mula tahu kelebihan dalam bidang fesyen ini?

CT : *I tak* [saya tidak] tahu tentang kelebihan, tapi [tetapi] yang *I* tahu sejak umur lapan tahun [8] tahun *I* memang nak jadi *fashion designer* [pereka fesyen].

SA : Adakah itu memang cita-cita asal encik?

CT : Yes [betul].

SA : Ada atau tidak, rakan seperjuangan yang belajar bersama-sama dengan encik dahulu mereka juga menjadi pereka fesyen seperti encik?

CT : Maksud soalan *you is like* [adalah seperti] dalam rakan-rakan saya yang belajar fesyen adakah mereka juga mempunyai *label* [nama] macam Calvin Thoo? Jika itu yang dimaksudkan, yes [ya]. Dalam bidang fesyen ini ada banyak, ada *fashion styling*, *fashion photographer*, *fashion journalist*, *fashion design* [gaya fesyen, jurugambar fesyen, wartawan fesyen, pereka fesyen]. Banyak benda kita boleh buat tetapi kalau nak cakap dalam bidang saya mereka yang berjaya memang saya seorang je [sahaja]. Yang *I* tahu *my junior* [pelajar muda dalam jurusan yang sama] ada seorang sahaja. Sebab nak dirikan *label* [nama] dalam bidang fesyen

bukan senang. Sekarang sesiapa sahaja boleh menjadi *fashion designer* [pereka fesyen] tetapi mahu jadi seorang *fashion designer* [pereka fesyen] yang betul-betul *qualified* [berkualiti] yang betul-betul ada *degree* [ijazah] tu [itu] memang tak [tidak] ramai *in local Malaysia History* [dalam sejarah Malaysia tempatan].

SA : Boleh encik beri komen perbezaan antara fesyen di Malaysia dengan oversea [luar Negara]?

CT : Biasanya fesyen di Malaysia *ni* [ini] cara kita kerja *tu* [itu] lain sedikit daripada *overseas* [luar Negara] sebab *overseas* [luar Negara] kalau kita nak cakap macam *Valentino* ke, *Gucci* ke, *Prada* ke dan sebagainya semua ada satu koperasi untuk *backup* [sokongan] macam_____ Tetapi kalau dekat Malaysia *ni* [ini] kalau nak jadi *fashion designer* [pereka fesyen] untuk *label* [jenama] sendiri yang latar belakang yang *backup* [sokong] kita adalah diri sendiri *je* [sahaja]. Keluar *budget* [modal] nak *design* [membuat] baju semua dari kita sendiri. Bukan dari koperasi-koperasi. Itu yang lain dan kalau dekat sini kita nak yang *ready to wear* [siap untuk dipakai] tu nak *design label ready to wear* [membuat label yang tersedia ada] ada tapi *tak* [tetapi tidak] banyak. Itulah perbezaannya.

SA : Semasa encik belajar di oversea [luar Negara] apakah pengalaman yang encik perolehi ketika berada disana?

CT : Bagi saya tidak kisahlah samada kita belajar di *oversea* [luar Negara] ke, tempatan ke, semua sama bagi saya. Macam *you all* [awak semua], bila *you all* pergi belajar dekat *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] atau lain *university* [institusi pengajian tinggi] apa itu- *apart of your education* [bahagian pengajian awak], apa yang *you all* [awak semua] belajar? Kita akan belajar cara untuk berinteraksi, belajar untuk bergaul dengan orang, belajar dengan kebudayaan orang, betul tak [tidak]? Sama je [sahaja]. *When I go overseas* [apabila saya pergi ke luar Negara], *I* [saya] rasa selain daripada *degree* [Ijazah Sarjana Muda] saya, saya juga dapat

experience [pengalaman]. *Life experience* [pengalaman hidup]. *Experience* [pengalaman] itu adalah sesuatu yang kita tidak boleh beli dengan wang ringgit. Memang tidak boleh (suara kanak-kanak bercakap). Mungkin saya ada kelebihan sedikit daripada orang yang belajar di tempatan sebab dekat sini *you still* [awak tetap] dalam komuniti yang sama. Tetapi bila kita pergi ke luar Negara *it is totally different* [keseluruhannya ia memang berbeza]. *I always said* [saya selalu cakap], apa yang *I* paling tidak suka bila kita balik dekat sini, ini *I* [saya] kena cakap maaf sedikit kerana bila kita tiba di Malaysia, kita akan jadi orang Melayu, orang Cina dan orang India. Tetapi bila kita dekat *overseas* [luar Negara] bila orang tanya kita orang mana, kita datang dari mana dan dengan bangganya kita menjawab, *we are Malaysian, we are from Malaysia* [kami adalah orang Malaysia, kami datang dari Malaysia]. Kita tidak akan cakap kita orang Cina, kita orang Melayu, kita orang India dan sebagainya. Tapi dekat sana kita tidak akan cakap sebegitu, kita akan cakap kita orang Malaysia. Tapi *unfortunately* [malangnya] bila kita balik sini, kita dibahagikan balik. *Experience* [pengalaman] untuk jadi orang Malaysia memang sesuatu yang *I* belajar bila kita pergi *oversea* [luar Negara]. *You can only get that when you only go to overseas. You can never get at local. Never.* [Awak hanya akan peroleh ini semua apabila awak ke luar Negara sahaja. Awak tidak akan peroleh pengalaman ini didalam Negara. Tidak akan.

SA : Sewaktu encik belajar di *oversea* [luar Negara] adakah encik mendapat biasiswa atau di tanggung sendiri?

CT : Ditanggung sendiri.

SA : Berapa tahun encik berada di *oversea* [luar Negara]?

CT : Sepuluh [10] tahun.

- SA : Sepuluh tahun [10]? Memang dari awal pengajian ditanggung sendiri?**
- CT : Macam *I* [saya] cakap tadilah, dari Matriculation [Matrikulasi] sehinggalah *I* tamat *degree* [Ijazah Sarjana Muda]. *Tapi* [tetapi] *I* ada kerja juga dua [2] atau tiga [3] tahun dekat sana.
- SA : Semasa encik berada di *oversea* [luar Negara] pernah encik bekerja sambilan?**
- CT : Ya, *waitering* [pelayan].
- SA : Berapa lama encik bekerja sebagai pelayan?**
- CT : Lama juga. Semasa *holiday and weekend* [cuti dan hari minggu]. Selepas waktu sekolah kita kena ambil *train* [pengangkutan awam] pergi kerja. Jauh, *out of city* [luar dari Bandar] kerja dalam *restaurant* [kedai makan]. Pukul sebelas ambil *train* [pengangkutan awam] balik rumah. Tidak kisah samada musim salji atau tidak, ia tetap beroperasi. Ribut taufan pun kena kerja. *Work is work* [kerja tetap kerja].
- SA : Bagaimana encik membiasakan diri dengan cuaca dekat *oversea* [luar Negara]?**
- CT : Pernah atau tidak *you* [awak] dengar bila *you* dalam situasi, bila *you* tidak ada pilihan lain, *you don't have any choice and you have to do it* [awak tidak mempunyai pilihan dan awak kena lakukan juga].

SA : Adakah encik ambil masa yang lama untuk biasakan diri?

CT : : *I* [saya] tidak ingat tetapi I adalah seseorang yang senang membiasakan diri dengan apa jua situasi. Memang *it's me* [itu adalah saya]. I rasa *I* [saya] boleh hidup dekat mana-mana. *I have around the world* [saya sudah berada diseluruh dunia], *you* [awak] letak *I* dekat mana pun *I* [saya] rasa *I* bergaul dengan semua orang. Yang paling penting adalah *you* [awak] perlu bagi diri *you* sendiri satu peluang untuk mencuba. *Because you are* [kerana awak adalah]_ _ _ _ _.

-TAMAT BAHAGIAN A-

BAHAGIAN B - KERJAYA

MA : **Berapa lama encik ceburi dalam bidang fesyen?**

CT : Saya sudah berada dalam bidang fesyen ini-, tahun ini dalah tahun yang enam belas [16] *dah* [sudah]. Sudah lama. *So* [jadi], *I start* [saya bermula] dari bawah dulu *I* [saya] bekerja dengan orang. *First job* [pekerjaan pertama] adalah di Australia, untuk apa tu- *workshop* [bengkel] sebagai *assistant* [pembantu urusetia] dimana *I* pungut jarum peniti, potong kolar, semua *very basic* [sangat asas]. Kalau ada *customer* [pelanggan] datang *nak* jumpa *boss I* [majikan saya], *I* buat air dan sebagainya. Memang dari peringkat yang paling bawah.

MA : **Boleh encik ceritakan dimana tempat yang encik bekerja dahulu?**

CT : Di Australia. Designer Tina_.

MA : **Kalau di Malaysia pula dimana encik mencari pengalaman?**

CT : Di Malaysia pun *I* [saya] ada kerja dengan ramai orang *my first job* [kerja pertama saya] di Malaysia dengan *fashion designer* [pereka fesyen] Barino dengan satu *department store* [gedung]. *Because bind fashion also apart of fashion design* [kerana fesyen ikatan juga adalah sebahagian daripada mereka fesyen].

MA : **Apakah pencapaian pertama yang membuatkan encik sampai ke tahap ini?**

CT : Mungkin maksud kamu bagaimana *I* [saya] membina *my label* [jenama sendiri]? Untuk orang tahu *my label* [jenama saya], Calvin Thoo, *I* buat *sponsorship* [tajaan] artis-artis Malaysia dan saya boleh cakap *I'm very lucky, I'm very blessed*

[saya sangat bertuah, saya sangat bersyukur] kerana saya pernah mereka baju untuk hampir kesemua artis yang terkenal di Malaysia. Dari Siti Nurhaliza, Ziana Zain, Anita Sarawak, Adibah Nor, Erra Fazira, dan ramai lagi. Juga artis yang dari *tak famous* [tidak dikenali ramai] menjadi *famous* [dikenali ramai]. Fasha Sanda dulu semasa dia *tak famous* [tidak dikenali ramai] dan sekarang dia sudah *famous* [dikenali ramai].

MA : Selain daripada artis, ada atau tidak encik membuat rekaan untuk kerabat diraja atau sebagainya?

CT : Kerabat diraja selepas artis itulah. Kita pernah buat untuk kerabat Pahang, Perlis, Terengganu, Johor-, siapa lagi-, Melaka tidak ada raja. Brunei pun ada. *Actually royal families* ' [sebenarnya keluarga kenamaan] kita pernah buat dan *VVIP* [orang berkepentingan], isteri menteri-menteri semua kita pernah buat.

MA : Apakah komen encik tentang dunia fesyen zaman sekarang? Adakah ia semakin berkembang atau mengucup?

CT : Tidak berani cakap ia berkembang, tidak merani cakap ia mengucup. Cuma fesyen sekarang- macam mana nak cakap ya? Fesyen sekarang dekat Malaysia ini, terlalu ramai pereka fesyen. Memang ramai sangat dan *my opinion* [pandangan saya] terlalu ramai pereka fesyen tetapi dari apa yang *I* [saya] tengok, kualiti dia kurang. Sebab dia tidak ada *experience* [pengalaman]. Yang paling pentingnya adalah *experience* [pengalaman] tetapi semua orang *start* [bermula] dari satu tahap. Tapi apa yang *I* [saya] Nampak sekarang ini ialah bila sudah habis sekolah terus nak jadi *fashion designer* [pereka fesyen], sudah nak ada *label* [jenama] sendiri. Itu tidak cukup. Kerana bagi saya, saya akan belajar kerja dengan orang dahulu, ambil pengalaman dan baru saya akan *set up* [bina] (bunyi

kertas diselak) *company* [syarikat] sendiri. Mungkin *you all* [awak semua] suatu hari nanti habis sekolahkan? *Your course* [jurusan awak] mungkin lebih baik I cakap, bagi cadangan supaya kerja dengan orang dahulu tidak kisahlah gaji itu berapa tetapi pengalaman itu yang paling berharga. Bermula dari bawah, disiksa pun tidak mengapa kerana memang mereka akan seksa *you all* [awak semua]. Tapi kalau *you* [awak] boleh sabar, InsyaAllah suatu hari nanti *you* akan dapat syarikat sendiri. Tapi memang penting untuk mendapat pengalaman.

MA : Adakah encik berkawan dengan pereka fesyen yang lain sebagai contoh Dato' Radzuan Radziwill?

CT : Kalau dunia fesyen ini, dia pelik. Kita akan ada kawan tersendiri. *Sometimes* [kadang-kadang], kita ada *emergency* [kecemasan], kita khabisan kain *chiffon* [sejenis kain yang lembut dan licin] hitam sebagai contoh, kita akan tanya kawan kita yang sama bidang samada dia mempunyai stok atau tidak. *Only a few in this* [hanya dalam situasi sebegini] I saya tidak ada ramai kawan dalam bidang fesyen. I berani cakap I tidak ada ramai kawan. I bukan sengaja tetapi memang saya dari dulu suka berkawan dengan orang diluar bidang kerana bagi saya kalau mempunyai kawan dalam *same industry* [bidang sama] pun, kalau berjumpa *talk about fashion* [bercakap tentang fesyen] dan *boring* [membosankan]. *So* [jadi], kita nak berkawan dengan orang diluar dari bidang kita. _____ *Only a few of of this in industry* [hanya sesetengah dalam industry] yang boleh buat demikian sebab bukan semua orang akan *too friendly and not feel better* [peramah dan akan merasa selesa dengan kita] mungkin sebab kita dah mencapai dan ada nama. *So* [jadi], kita akan *confident* [yakin]. Betul *tak?* Kita *nak* [hendak] benda yang terbaik untuk *customer* [pelanggan]. *Our customer is very important* [pelanggan kita sangat penting]. Bila macam itu, *your client* [pelanggan awak] kena *respect you* [hormat awak] lebih dan mungkin ada risiko sedikit. Mungkin bila dia tidak selesa dengan kita, dia akan pergi kepada orang lain. Tapi itu bergantung kepada

rezeki masing-masing. Tapi bagi saya *sharing is caring* [berkongsi melambangkan kasih sayang].

MA : Pernah atau tidak encik terfikir untuk membuat ataupun mereka barangan jenama sendiri? Sebagai contoh, mereka kasut dan tas tangan dengan menggunakan nama Calvin Thoo?

CT : Memang saya pernah buat kasut, memang sekarang pun ada kasut dan tas tangan (suara orang bercakap). Itu adalah sampingan untuk menyempurnakan *that look* [pengelihatan] mungkin baju pengantin (bunyi ekzos motor) kita akan buat selendang_. Walaupun itu bukan secara khusus tetapi kita memang ada *design* [reka].

MA : Maksudnya fesyen itu adalah utama manakala tas tangan dan kasut adalah kedua dan ketiga?

CT : Betul. *It complimentary* [ia pelengkap]. *I* [saya] memang ada *customer* [pelanggan] yang datang *tak nak* [tidak mahu] tempah baju tetapi nak tempah kasut. Memang ada (suara orang bercakap).

MA : Adakah encik melakukan secara sendiri?

CT : *No* [tidak]. Bukan *I* [saya] yang buat sendiri, *I* [saya] ada *staff I design* [pekerja saya reka] lepas kita buat, *I* [saya] buat *finishing touch* [sentuhan terakhir].

MA : Apa komen encik mengenai rakyat Malaysia yang lebih mengagungkan dan mengutamakan rekaan dan barangan pereka fesyen dari luar Negara? Sebagai contoh barangan berjenama seperti PRADA, GUCCI.

CT : Sebenarnya *I* [saya] rasa bukan mengutamakan jenama dari *overseas* [luar Negara]. *I* [saya] rasa setiap (bunyi kenderaan) jenama ada kelebihan individu. *So, they like let say* [jadi, mereka suka katakan] ada orang suka Maze, ada orang suka Burkin, ada orang suka Gucci, Prada sebab Gucci *tu* (itu) lagi menonjol, Prada *tu* (itu) nampak *very simple* [sangat ringkas]. Semua orang citarasa yang lain. Mungkin *today* (hari ini) dia suka *simple* [ringkas] dia pergi ambil beg Prada. Besok dia nak menonjolkan sikit dia pergi “Gucci”. Macam kalau orang *nak* [hendak] baju kurung *simple* [ringkas] sikit [sedikit] dia datang *kat* [dekat] Calvin. Ada orang suka baju *fully beaded* [rekaan baju yang mempunyai manik sepenuhnya] dia pergi Radzuan Radziwill. Macam *tu* [itu]. *Tak* [tidak] semestinya *i* [saya] rasa. Kalau *you* [awak] nak [hendak] cakup orang yang *nak* [hendak] beli *designer* [pereka] label *ni* [ini] *okay* [baik] mungkin orang dalam zon selesa yang dia boleh belanja, dia boleh mampu beli jenama-jenama *designer* [pereka]. *But* [tetapi] dia *tak* [tidak] mengutamakan. Yang paling penting *is like* [adalah seperti] bagi *you all* [awak semua] pun sama. *You* [awak] pakai baju, pakai seluar, pakai apa pun kena selesa. Betul *dak* [tidak]? (mengiyakan) *So* [jadi], ikut kemampuan. *Sometime* [kadangkala] orang *tu* [itu] dia memang mampu nak beli benda *tu why not* [kenapa tidak]? Betul *dak* [tidak]? [mengiyakan]

MA : Adakah pekerjaan sebagai pereka fesyen amat mencabar?

CT : Semua bidang ada cabaran tersendiri. Memang semua ada tapi cabaran *i* [saya] adalah untuk buat koleksi yang lebih baik dari koleksi yang dah [sudah] buat *tu* [itu]. *Every single collection is a challenge* [Setiap koleksi tunggal merupakan satu cabaran].

- SA : **Bagaimana encik memperoleh idea dalam membuat sesuatu fesyen?**
- CT : *Okay* [baik]. Idea *tu* [itu] datang secara semulajadi. *When you see me the idea come from me* [Apabila anda melihat saya idea datang dari saya]. Misalnya kamu nak [hendak] satu baju kawin. *I* tak tau [saya tidak tahu]. Tapi *I* [saya] akan tengok personaliti *you* [awak] akan cakap atau sembang. Itu idea *come from you* [datang dari awak] tetapi *I can remember* [saya masih ingat] ada satu idea yang *I* [saya] tak [tidak] boleh lupakan *is that* [ialah] di Australia dia punya tong sampah *tu* [itu] cantik. Memang *i* [saya] ada pernah buat koleksi sesuatu inspirasi dari tong sampah *tu* [itu]. *And then* [dan kemudian], dulu *I* [saya] pernah kerja dengan *company* [syarikat] kita memang selalu pergi India. *So* [jadi] apa *I* [saya] buat *tu* [itu] memang ada ciri India dalam koleksi *tu* [itu]. *So* lain kata *is like* [adalah seperti] idea *tu* adalah dari *environment* [persekitaran] kita. Tak [tidak] lari pun. (bunyi kenderaan)
- MA : **Selain daripada kerjaya sebagai pereka fesyen, adakah encik melakukan pekerjaan sebagai perunding di mana-mana syarikat atau agensi?**
- CT : *Tak* [tidak]. *Tak* ada ceramah tapi memang dulu *I* [saya] lupa kat [dekat] mana [berfikir]. *Once upon time* [suatu masa] memang ada ramai orang ajak kita, jemput kita bagi ceramah, bagi *talk* [ucapan], *bagi workshop* [bengkel] (bunyi kenderaan) buat *interview* [temuduga] itu ini. Memang ada. *I* [saya] rasa *one of them* [salah satu adalah] SOSCO [Social Security Organization], *some government organization* [beberapa organisasi kerajaan] memang ada. Kena pergi jauh kat [dekat] sepang.

MA : **Adakah encik pernah menganjurkan program berkaitan dengan fesyen untuk orang ramai? Sebagai contoh kelas fesyen.**

CT : Kelas *I* [saya] memang *tak* [tidak]. Tapi *practical student* [pelajar praktikal] *I* [saya] memang ada. *Practical student* [pelajar praktikal] dia datang sini buat praktikal bidang fesyen .kita akan bagi dia kerja, kemudian ajar dia, bagi dia *product knowledge* [ilmu tentang produk], bagi dia apa semua. Kita memang ada buad benda macam *tu* [itu]. Tapi kalau *nak* [hendak] kelas yang khususnya buat benda-benda macam *ni* [ini], buat masa sekarang belum ada lagi sebab memang *tak* [tidak] ada masa. Memang ada orang *push* [tolak] kita.

MA : **Kebiasaanya pelajar praktikal dari universiti atau kolej?**

CT : Sama *ja* [sahaja]. Kolej pun ada. Universiti pun ada. UITM [Universiti Teknologi Mara] pun ramai.(ketawa)

SA : **Adakah encik pernah mengambil pelajar praktikal untuk diserapkan sebagai pekerja?**

CT : Pernah.

SA : **Berapa ramai orang pelajar praktikal yang diserapkan sebagai pekerja?**

CT : Dua [2] orang.

SA : **Adakah sampai sekarang pelajat rersebut masih bekerja dengan encik?**

CT : *Tak* [tidak]. Salah satu orang dah *start* [mulakan] jenama sendiri. Dia pun khabar *kat* [dekat] kita dia nak buad benda *tu* [itu] mintak izin. *I* [saya] dah cakap *okay*, *dah* [sudah] bagi nasihat. Nampaknya dia belum lagi *famous* [terkenal] tapi

progress [perkembangan] dia *from time to time* [dari semasa ke semasa]. Dia *update* [laporkan] saya dia buat apa. *So* [jadi] *I* [saya] pun bagi dia (bunyi enjin kereta dihidupkan) *encouraged* [galakkan] dan ajar dia sampai sekarang.

SA : Boleh saya tahu siapakah pelajar tersebut?

